

PM China hargai lawatan Pak Lah

29/05/04 BH MS-2

Daripada Mior Kamarul
Shahid

BEIJING: Perdana Menteri Republik Rakyat China, Wen Jiabao menyatakan penghargaan kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kerana memilih negaranya sebagai destinasi pertama lawatan rasmi di luar Asean, selepas menjawat jawatan Perdana Menteri.

Berucap ketika mengadakan perbincangan dua hala dengan Abdullah dan perwakilan Malaysia di sini semalam, Jiabao berkata, Abdullah bukan kenalan baru baginya kerana ketika menjawat jawatan Timbalan Perdana Menteri beliau mengunjungi China tahun lalu.

Beliau berharap sempena memperingati ulang tahun ke-30 hubungan Malaysia-China, hubungan kedua-dua negara bertambah akrab pada masa akan datang.

"Lawatan Abdullah ke negara ini mempunyai kesan yang besar kepada China dalam konteks hubungan dua hala," katanya.

Dalam ucapan balasnya, Abdullah berharap lawatan itu membuka laluan untuk mengukuhkan hubungan dua hala dengan China selain kerjasama ekonomi dan hubungan rakyat dengan rakyat.

Katanya, Malaysia meletakkan China sebagai antara negara yang diberi keutamaan untuk meningkatkan hubungan perdagangan dan ekonomi selain rakyat dengan rakyat.


Kedua-dua pemimpin kemudian menyaksikan upacara menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) yang membabitkan kedua-dua kerajaan.

MoU dalam bidang pelajaran, diplomasi dan hubungan antarabangsa ditandatangani Menteri Luar, Datuk Seri Hamid Albar dan rakan sejawatannya, Li Zhaoxing.

MoU dalam bidang Perjanjian Perdagangan Sedunia (WTO) berhubung halangan teknikal perdagangan ditandatangani Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Perindustrian, Datuk Seri Rafidah Aziz bagi pihak Malaysia.

MoU mengenai kerjasama kebersihan dan phytosanitari ditandatangani Menteri Pertanian dan Asas Tani, Tan Sri Muhyiddin Yassin manakala satu lagi MoU ialah mengenai Persatuan Datuk Bandar dan Majlis Perniagaan Malaysia-China.

Abdullah dan Jiabao juga menyaksikan upacara menandatangani enam memorandum perjanjian sektor swasta membabitkan bidang elektrik, farmasi, bioteknologi, tenaga, televisyen dan filem.



ABDULLAH bertukar dokumen dengan Jiabao selepas menandatangani perjanjian dua hala antara Kerajaan Malaysia dan China di Dewan Besar Republik Rakyat China di Beijing, malam tadi. Turut hadir Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar (kiri). - Gambar Bernama



ABDULLAH dan Muhyiddin menunaikan solat Jumaat di Masjid Nanxiapo, Beijing semalam. - Gambar AFP